

BERITA HARIAN

DATE: 12/10/2008

# PM digelar 'Bapa Pembaharuan Demokrasi'

## Buka ruang peluang rakyat suara pandangan

Oleh Anwar Hussin dan,  
Syuhada Choo Abdullah  
bhnews@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Gerakan memberi gelaran 'Bapa Pembaharuan Demokrasi Malaysia' kepada Datuk Seri Abdullah kerana membuka ruang dan peluang lebih luas kepada rakyat Malaysia untuk menyuarakan pandangan.

Presidennya, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata Perdana Menteri wajar diberi gelaran itu atas komitmennya terhadap konsep dan semangat demokrasi, selaras kemunculan pelbagai media baru termasuk internet.

Beliau berkata, banyak laporan media mendedahkan

kekurangan serta kelemahan kerajaan yang dianggap satu legasi atau akibat daripada pentadbiran terdahulu dan sejarah.

"Pada pandangan saya, ini suatu yang baik walaupun ia mungkin membawa tanggapan atau persepsi negatif dalam minda rakyat (bahawa) begitu banyak masalah. Sebenarnya hampir semua ini sudah berlangsung dan berlaku dulu tetapi sebelum ini ia tidak didebatkan, tidak didebatkan secara terbuka, sekarang dibuat demikian.

"Selain itu, sebaik saja selepas Pilihan Raya Umum pada 8 Mac lalu dan diketahui Barisan Nasional (BN) tidak berjaya di lima negeri,

Pak Lah menerima keputusan itu dengan hati terbuka dan tidak ada sebarang percubaan untuk menafikan keadaan itu atau keputusan rakyat.

"Sebelum itu, beliau juga tidak mengumumkan hendak menjatuhkan kerajaan (negeri) Kelantan, bukan seperti usaha Pakatan Rakyat (Datuk Seri) Anwar Ibrahim sekarang yang kata dengan nyata hendak menjatuhkan kerajaan dengan cara wakil rakyat (BN) melompat (parti).

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Abdullah merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional 2008 parti itu di sini, semalam.



DR KOH (tengah) bersama Timbalan Presiden Gerakan yang baru, Datuk Chang Ko Youn (dua dari kanan) dan tiga Naib Presiden Gerakan (dari kiri), Huan Cheng Guan, Datuk Dr S Vijayarajam dan Datuk Mah Siew Keong (kanan) selepas majlis pemilihan parti Gerakan di Menara PGRM, semalam.